

29 APR 1996

PM DAN ISTERI BERLEPAS UNTUK HADIRI PENGEBUMIAN IBU TIEN

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke Indonesia pagi ini dengan menaiki sebuah pesawat TUDM untuk menghadiri upacara pengebumian isteri Presiden Suharto, Ibu Tien.

Mereka diiringi Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan duta Indonesia ke Malaysia, Mohamad Jacob Dasto.

Ibu Tien, 73, meninggal dunia pagi semalam selepas diserang penyakit jantung.

Allahyarham akan dikebumikan di tanah perkuburan keluarganya di perkampungan Kaliten, Surakarta (Solo), tempat kelahirannya, tengah hari ini. -- BERNAMA

TCL AKD